

## ADAB MENZIARAH PESAKIT NAZAK

- Digalakkan menyapu air ke muka atau menitiskan air ke mulut pesakit yang sedang nazak.
- Sunat mengajar kalimah *Lailaillallah* atau sekurang-kurangnya perkataan Allah apabila sudah ada tanda-tanda nazak.
- Sunat dibacakan Yaasin dan surah al-Ra'd kepada pesakit yang tenat sambil menghadapkan muka serta kakinya ke arah kiblat.
- Menenangkan ahli waris dan berfikir positif untuk menerima qada' dan qadar Allah SWT.

Diriwayatkan daripada Abi Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Hak seorang Islam ke atas orang Islam yang lain ada enam. Sahabat bertanya: "Apakah hak-hak itu wahai Rasulullah?". Rasulullah menjawab : "Jika kamu berjumpa akan dia maka hendaklah mengucapkan salam, bila ia mengundang hendaklah penuh undangannya. Bila meminta nasihat, hendaklah kau nasihatinya. Bila ia mengucapkan Alhamdulillah ketika bersin, sambutlah dengan jawapan : Yarhamukallah (semoga Allah memberi rahmat kepada kau). Bila ia sakit, jenguklah akan dia dan jika dia meninggal iringilah jenazahnya".*

(Riwayat Muslim)

## HAK-HAK PESAKIT

Seseorang yang ditimpa bencana dan musibah seperti sakit amat memerlukan orang lain yang boleh meringankan tekanan perasaan yang mengasak dan menghimpitnya.

Oleh itu, ulama telah bersepakat menyatakan bahawa membantu sahabat yang sedang menderita atau menghadapi kebuntuan fikiran adalah salah satu usaha mendampingi diri kepada Allah SWT.

Diriwayatkan daripada Abi Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Sesiapa yang melapangkan kesempatan dunia saudaranya yang Islam, nescaya Allah akan melapangkan baginya kesempatan di akhirat dan sesiapa yang meringankan seseorang yang berada dalam kesempitan, maka Allah SWT akan meringankan ke atasnya di dunia dan di akhirat. Allah SWT tetap akan membantu seorang hamba selagi hamba itu membantu saudaranya yang Islam".*

(Riwayat Ahmad)



TERBITAN  
2011



## ZIARAH : MEMBINA UKHUWWAH DAN MAHABBAH



Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang  
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

**SILA LETAKKAN RISALAH INI  
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**

## PENGENALAN

Manusia sebagai makhluk yang lemah tidak dapat menghindarkan diri dari penyakit. Pelbagai penyakit telah wujud semenjak alam ini wujud. Walaubagaimanapun, ia perlu dicegah supaya tidak menular dan memudaratkan manusia.

Penyakit adalah sebagai ujian dan cubaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada kita. Ia bertujuan untuk :

- Menimbulkan rasa keinsafan sebagai hamba yang lemah.
- Menyemai Nur kepatuhan agar taat beribadah dan yakin dengan ujian Allah SWT.
- Sebagai medan untuk kita memperoleh ganjaran pahala yang besar .
- Mengangkat martabat kita sebagai hamba yang bersyukur dan bertaqwa.
- Menggugurkan dosa-dosa yang telah dilakukan dengan syarat redha dengan ujian Allah SWT.
- Menguji manusia agar sentiasa memanfaatkan masa sihat sebelum masa sakit.

Daripada Ibnu Mas`ud RA, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"... Sesiapa daripada orang Islam yang ditimpa kesakitan dan seumpamanya melainkan Allah SWT akan menggugurkan dosanya sebagaimana pokok menggugurkan daunnya".

(Riwayat Sahih Bukhari)

## DALIL GALAKAN MENZIARAHI PESAKIT

Daripada Thawban, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"*Sesungguhnya seorang Muslim itu jika menziarahi saudara muslimnya maka sentiasa dia berada dalam nikmat syurga (pahala) sehinggalah dia kembali*".

(Riwayat Muslim)

Daripada Ali, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"*Seseorang yang menziarahi orang sakit pada waktu petang akan keluar bersamanya 70,000 malaikat mendoakan baginya sehinggalah waktu pagi dan baginya nikmat di syurga. Dan sesiapa yang menziarahi saudaranya pada waktu pagi maka akan keluar bersamanya 70,000 malaikat mendoakan keampunan baginya sehingga ke petang dan baginya nikmat di syurga.*"

(Riwayat Sunan Abu Daud)

### DOA CEPAT SEMBUH

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ أَنْ يَشْفِيَنِي  
شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

Maksudnya : "Aku mohon kepada Allah Yang Maha Agung agar menyembuhkan aku dengan benar-benar sembuh yang tidak menderita sakit lagi".

## ADAB MENZIARAHI PESAKIT

- ▶ Mengucapkan kata-kata yang baik untuk menenangkan dan menghiburkan hati pesakit.
- ▶ Digalakkan duduk hampir dengan kepala pesakit bagi memudahkan komunikasi.
- ▶ Berada di sisi pesakit dan sunat mendoakan agar pesakit itu segera sembuh.
- ▶ Makruh duduk terlalu lama di sisi pesakit kerana bimbang lawatan itu akan menyusahkan pesakit tersebut.
- ▶ Disunatkan menziarahi pesakit berselang hari melainkan pesakit redha dan selesa dengan lawatan tersebut.
- ▶ Mengajak pesakit supaya mengingati Allah S.W.T seperti memperbanyakkan membaca al-Qur`an, berzikir dan sebagainya.
- ▶ Kurangkan bercakap, merendahkan suara dan lembut dalam percakapan kepada pesakit.
- ▶ Tidak digalakkan membawa orang yang tidak disukai dan mengganggu emosi pesakit.
- ▶ Digalakkan membawa tangan menceritakan pesakit.

